



DR. ZAMBERI



ZAHID HAMIDI



MUKHTAR REDHUAN



DALAM REMPUHAN GELORA

CATATAN DARI KURUNGAN I.S.A.

98

ZAMBRY ABD KADIR



**DALAM
REMPUHAN
GELORA**

**CATATAN DARI
KURUNGAN I.S.A.**

98

ZAMBRY ABD KADIR

PUSTAKA PERDANA



1013921

Kuala Lumpur
2025



Cetakan Pertama Edisi Pertama, Mei 2022
Cetakan Kedua Edisi Kedua, Mei 2025

© Zambry Abd Kadir

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbitkan semula atau dipindah dalam apa jua cara, sama ada elektronik atau mekanikal, termasuklah fotokopi, salinan semula, atau dalam apa jua bentuk sistem storan atau capaian tanpa keizinan bertulis daripada penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Zambry Abd Kadir, 1962-

DALAM REMPUHAN GELORA 98 : CATATAN DARI KURUNGAN I.S.A. /
ZAMBRY ABD KADIR.

ISBN 978-629-96697-0-8

1. Zambry Abd Kadir, 1962- --Anecdotes.
2. Political prisoners--Anecdotes.
3. Political prisoners' writings--Anecdotes.
4. Politicians--Anecdotes.

I. Judul.

808.882

Penerbit:

ZCG Consulting Sdn Bhd
Suite L10-21, Level 10, Tower 1, Wangsa 118
Jalan Wangsa Delima, Wangsa Maju
53300 Kuala Lumpur
MALAYSIA

Reka Bentuk dan Cetakan:

PERUSAHAAN TUKANG BUKU KM
8, Jalan 2A/6,

Bandar Puteri Bangi,

43000 Kajang, Selangor, MALAYSIA

T: 03-8928 9899 | E: ibu.pejabat@tukangbuku.com
www.tukangbuku.com

808.882

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ





Isi Kandungan

Prakata Edisi Kedua.....	1
Mukadimah.....	3
<i>Bab 1: Kisah Tahanan Politik.....</i>	<i>9</i>
<i>Bab 2: Sekitar 1998.....</i>	<i>31</i>
<i>Bab 3: Hari Pemecatan Anwar.....</i>	<i>53</i>
<i>Bab 4: Hari Penangkapan.....</i>	<i>69</i>
<i>Bab 5: Pengalaman Black Maria.....</i>	<i>87</i>
<i>Bab 6: 23 September 1998.....</i>	<i>99</i>
<i>Bab 7: Hari Soal Siasat.....</i>	<i>109</i>
<i>Bab 8: Tekanan Bermula.....</i>	<i>123</i>
<i>Bab 9: Hampir Kehilangan Daya Tahan.....</i>	<i>131</i>
<i>Bab 10: Hari Pembebasan.....</i>	<i>139</i>
<i>Bab 11: Selepas Pembebasan.....</i>	<i>149</i>
<i>Bab 12: Kembali Kepada Kehidupan Biasa.....</i>	<i>165</i>
<i>Bab 13: Kesan Pasca-1998 Terhadap Politik Negara.....</i>	<i>173</i>
Kesimpulan.....	203

Lampiran 1

Ucapan (Tun) Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad

Penggulungan perbahasan oleh (Tun) Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad pada Perhimpunan Agung UMNO ke-52, disampaikan pada 21 Jun 1998 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC),

Kuala Lumpur..... 211

Lampiran 2

Laporan Akhbar Ucapan Dato' Seri Anwar Ibrahim

"Tegak Keadilan Sosial: Anwar Gesa Ahli UMNO

Lebih Yakin Perjuangkan Agenda Orang Melayu" oleh Aziz Ishak..... 227

Lampiran 3

Ucapan Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi

"Memperkasa Daya Tahan, Menjana Reformasi", Ucapan Dasar Datuk Ahmad Zahid Hamidi, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia pada Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia pada 18 Jun 1998, jam 10.30 pagi di Dewan Tun Hussein Onn, PWTC Kuala Lumpur 231

Lampiran 4

"Gerakan Antikerajaan Mesti Dicari Hingga ke Akar Umbi: Siapa Dalang Reformasi?"

Temu bual Zambry Abdul Kadir Bersama Mingguan Malaysia, Ahad 22 November 1998..... 247

Gambar 253

Daftar Rujukan 271

Biodata Penulis 275

Prakata Edisi Kedua

Dua tahun telah berlalu sejak edisi pertama buku ini terbit pada Mei 2022. Dalam tempoh menyiapkan buku ini, dunia sedang dahsyat dilanda virus COVID-19 manakala negara diletakkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang cukup menguji kepimpinan negara.

Alhamdulillah, selepas Pilihan Raya Umum ke-15 pada November 2023, saya tidak pernah menjangka, apatah lagi berharap, untuk dipilih berada dalam barisan Kabinet Malaysia. Semasa memegang jawatan pertama sebagai Menteri Luar selama setahun, saya kira telah banyak yang diterokai dan dipelopori dengan meletakkan hubungan antarabangsa Malaysia pada suatu tahap yang lebih unggul. Kini, dengan jawatan sebagai Menteri Pendidikan Tinggi, saya memikul satu lagi tanggungjawab dan amanah bagi memperkasakan kerajaan Madani di bawah kepimpinan Perdana Menteri ke-10, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Peluang bersama dalam Kabinet di bawah pimpinan Dato' Seri Anwar membuka lembaran kenangan saya bersama-sama beliau, meskipun sekadar dari jauh. Sewaktu Anwar menjadi Presiden Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dari tahun 1988 hingga 1998, saya menerima segulung ijazah Sarjana dalam majlis konvokesyen yang disampaikan Anwar pada 1991. Kepimpinan beliau dalam ABIM dan PKPIM pula menjadi teladan untuk diikuti dan banyak mempengaruhi gerakan dan semangat anak muda pada dekad itu. Saya salah seorang yang tidak terlepas daripada mengagumi karisma seorang pemimpin muda yang sedang meningkat naik ketika itu.

Pengalaman saya menjadi tahanan ISA selama 15 hari tidak akan sama dengan pengalaman Anwar yang ditahan sebanyak dua kali. Pengalaman itu banyak memberikan ketahanan kepada saya dalam mengharungi suasana politik Malaysia yang mencabar belakangan ini. Malahan pengalaman yang berbeza-beza turut dilalui oleh semua ahli politik yang menjadi mangsa tahanan dengan pelbagai tuduhan yang dikenakan bagi mewajarkan penahanan mereka. Penjara bagaikan sinonim dengan mangsa politik, dan pihak yang memegang kuasa akan berusaha kekal memerintah bagi mempertahankan kuasa.

Buku ini saya tulis dengan seadil-adil dan sejelas-jelas yang boleh bagi memaparkan suasana politik tahun 1998 yang penuh gelora dan peristiwa yang menyusul selepas itu. Serba sedikit sejarah penahanan ahli politik dan peristiwa yang dialami mereka di seluruh dunia menjadi panduan untuk saya menghasilkan tulisan ini.

Sebagai anak muda yang baru berjinak-jinak dalam politik ketika itu, banyak perkara yang saya pelajari bagi mematangkan setiap tindakan saya selepas itu. Persaingan sesama ahli politik menyerlahkan warna sebenar mereka dan memberikan ruang untuk saya bertindak dengan lebih saksama.

Dalam usaha menyiapkan edisi kedua buku ini, saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada pihak-pihak yang cemerlang membantu di belakang tabir sehingga buku ini siap berada di tangan pembaca.

Zambry Abd Kadir
Januari 2025

Mukadimah

Buku ini lahir daripada suatu pengalaman ketika saya berada dalam tahanan ISA pada tahun 1998. Meskipun sudah lebih 24 tahun berlalu, peristiwa itu masih segar bermain-main dalam ingatan saya. Sukar untuk saya melupakan peristiwa ini kerana ia berlaku pada detik-detik awal saya aktif dalam dunia politik bersama dengan Pemuda UMNO tetapi kemudiannya ditangkap dan menjadi tahanan ISA.

Walaupun saya melalui tempoh tahanan yang singkat, selama 15 hari, cara penahanan yang dilakukan dan tempat saya disumbat di dalam sebuah bilik kecil (*solitary confinement*) telah memberikan impak yang besar terhadap kehidupan saya. Ketika itu saya tidak lagi menyedari perubahan waktu siang dan malam dan tempat sebenarnya saya dikurung. Konsep masa (*time*) dan tempat (*space*) sudah terputus sama sekali dalam diri saya. Jam tangan diambil dan disimpan oleh pihak polis. Begitu juga telefon bimbit.

Tiba-tiba saya merasakan kehilangan maklumat tempat saya menghuni. Perasaan itu kian bertambah apabila setiap kali saya bergerak meninggalkan bilik tahanan, mata saya akan ditutup dengan kain dan cermin mata hitam.

Proses penangkapan dan soal siasat yang berterusan juga memberikan kesan besar terhadap tahap ketahanan mental saya. Dalam soal siasat yang berlangsung tanpa mengira waktu siang atau malam, kekuatan mental adalah satu-satunya yang diperlukan untuk berhadapan dengan pelbagai kaedah dan bentuk soal siasat—adakalanya berbentuk kasar dan keras; adakalanya berubah menjadi sangat lembut dan baik.

Dalam usia yang masih belum cukup matang, merempuh ranjau dan duri politik adalah memeritkan. Apatah lagi apabila dibandingkan dengan mereka yang bergerak dalam kumpulan politik yang aktif, menjadi perancang, atau pengatur gerakan-gerakan politik, kedudukan saya tidaklah penting seperti mereka.

Saya hanya seorang 'pemerhati' dalam gelagat politik ketika itu. Adakalanya saya turut dipanggil untuk turut serta atas kapasiti saya dalam Pemuda UMNO dan seorang ahli akademik.

✱ Tetapi peristiwa yang berlaku sejak akhir tahun 1997 dan sepanjang tahun 1998 sebenarnya mewarnai dunia politik dan ekonomi serta sosial negara. Kegelisahan rakyat terhadap keadaan ekonomi negara yang tiba-tiba terpaksa berhadapan dengan krisis kewangan yang serius akibat serangan terhadap mata wang negara dan negara-negara Asia yang lain telah menyebabkan krisis politik antara Dato' Seri Anwar Ibrahim dengan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad (kini Tun) bertambah serius.

Dunia politik Malaysia ketika itu tidak lagi berfokus terhadap pertembungan antara pihak pembangkang dengan kerajaan, tetapi tertumpu kepada konflik kepimpinan antara Mahathir dengan Anwar. Pertembungan ini telah membentuk wajah pentas politik nasional untuk puluhan tahun berikutnya sehinggalah lahir sebuah kerajaan baharu, Pakatan Harapan (PH), yang menggantikan Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Umum ke-14. Tetapi yang menghairankan dunia ialah dua orang tokoh politik ini bergabung pada ketika itu dan menjadi rakan politik bagi membentuk PH untuk menumbangkan sebuah kerajaan yang dibina dan pernah dipimpin oleh mereka, iaitu BN.

Kesan terhadap sosiopolitik amat besar selepas peristiwa pemecatan Anwar pada 1998. Perpecahan dalam kalangan orang Melayu amat ketara. Terbentuknya sebuah lagi parti daripada Anwar yang asalnya berakartunjangkan

UMNO dan Parti Keadilan Nasional (kini Parti Keadilan Rakyat) – telah menambahkan lagi penderitaan, perpecahan, dan permusuhan orang Melayu. Meskipun mempunyai jumlah majoriti yang besar dalam negara, perpecahan ini menyebabkan penyatuan orang Melayu sudah tidak lagi menjadi sandaran yang mutlak.

Dalam pertarungan sesama sendiri untuk merebut kuasa, maka perkakas dan institusi pemerintah turut digunakan. ISA ialah akta yang sangat digeruni dan dibenci oleh ahli politik, khususnya ahli politik pembangkang. Tetapi kali ini Dr. Mahathir menggunakannya untuk menahan orang politik dalam kalangan partinya sendiri, UMNO. Inilah langkah yang dapat mendiamkan dan membisukan penentang politiknya.

Mungkin ada yang bertanya, di manakah kedudukan dan pendirian politik saya hingga kini? Dalam analisis dan catatan buku ini, saya sedaya upaya memberikan penilaian yang objektif terhadap setiap watak dan aktor politik negara yang terlibat dalam peristiwa politik 1998.

Dalam siri penyiasatan yang berlangsung, saya dipaksa untuk mengakui bahawa Anwar mempunyai masalah moral. Setiap kali dipaksa, saya enggan tunduk kepada tekanan yang dikenakan ke atas saya. Ini ialah soal prinsip dan pegangan agama. Bagaimana mungkin saya hanya mengakui dan menerima sesuatu tanpa usul periksa dan bukti yang nyata terhadap seseorang insan. Kedua, saya tidak akan mengorbankan seseorang hanya semata-mata untuk melepaskan diri daripada seksaan yang diperlakukan terhadap saya. Terpulang kepada pembaca sekalian untuk menilai apakah pendirian saya terhadap setiap watak dan aktor yang saya ulas dalam buku ini.

Akhirnya, kesabaran Anwar sejak 1998 mendapat ganjaran yang sewajarnya apabila dilantik sebagai Perdana Menteri pada 24 November 2022. Tempoh 24 tahun yang dilalui cukup berat sebagai seorang ‘Perdana Menteri’ yang bertanggung.

Saya perlu menyeimbangkan antara emosi dengan rasionaliti. Kemarahan terhadap Dr. Mahathir kerana menyumbat saya ke dalam ISA, di sebalik jasa dan pengorbanannya terhadap negara, perlu dinilai. Saya perlu juga menerima hakikat bahawa generasi saya bangun dalam dunia politik yang dicorakkan pemikiran Dr. Mahathir. Namun apa yang dilakukannya juga adalah sangat *Machiavellian*. Dan beliau tidak terlepas daripada melakukan kesilapan politik.

Demikian juga dengan Anwar yang ketika itu menjadi mangsa permainan percaturan politik dalamannya sendiri. Dengan kehebatan penampilannya dan kebolehannya menambat keterujaan generasi muda terhadapnya, Anwar dianggap sebagai tokoh baharu untuk masa depan Malaysia ketika itu. Ditambah lagi dengan penegasan berulang kali oleh Dr. Mahathir bahawa Anwar ialah pewaris kepemimpinan negara dan bakal menggantikannya serta meminta semua pihak menyokong Anwar, maka setiap tumpuan diberikan kepada Anwar.

Meskipun persekitaran politik saya dan generasi saya dilingkungi pemikiran Dr. Mahathir, tarbiah dan pemikiran saya bersama-sama anak muda pada ketika itu banyak dibentuk oleh Anwar menerusi pelibatan dalam Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Saya sempat berada dalam kepemimpinan PKPIM selama dua penggal dan kemudian sebagai anggota EXCO ABIM. Proses tarbiah yang dibentuk oleh Anwar kemudiannya diperkukuh oleh Prof. Datuk Dr. Siddiq Fadhil serta Datuk Dr. Muhammad Nur Manuty.

Ketika di alam persekolahan, Anwar berbicara dengan pidatonya yang mantap yang menjadi ikutan generasi saya. Setiap kali beliau berada di negeri Perak, kami akan mencari ruang untuk mendengar ucapannya. Nama besar Anwar sebagai pemimpin pelajar dan tokoh gerakan Islam menjadikan saya dan rakan-rakan dalam kepemimpinan pelajar sekolah menengah dan kemudian sebagai mahasiswa dibentuk

oleh perspektif beliau. Malahan, idealisme kepimpinan dan perjuangan beliau ketika berada dalam ABIM turut mencorakkan dukungan golongan profesional dan Islamis terhadap Anwar. Beliau dilihat sebagai pemimpin muda yang mempunyai karisma tersendiri.

Dalam sisi politik, saya banyak dibentuk secara tidak langsung oleh Muhyiddin yang ketika itu bersama-sama dalam kem Anwar. Malah kemasukan saya untuk membantu politik Muhyiddin adalah atas persefahaman yang wujud ketika itu. Anwar memiliki Institut Kajian Dasar (IKD), manakala Muhyiddin yang memerlukan sebuah *think tank* seperti IKD, menubuhkan CELDES (Center for Leadership and Development Studies) pada tahun 1996.

Dalam tempoh tersebut, muncul Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan Dato' Seri Hishammuddin Hussein dalam kepimpinan Pemuda UMNO, yang turut mencorakkan politik negara. Kedua-duanya ialah Ketua Pemuda dan Naib Ketua Pemuda yang menunjangi perjuangan Pemuda UMNO. Seorang mewakili kem Anwar dan seorang lagi mewakili kem Dr. Mahathir. Namun begitu, hubungan akrab mereka berdua tetap wujud.

Anwar sentiasa terdedah dengan manipulasi, strategi, dan tohmahan yang bukan sedikit kerana populariti yang sangat menonjol. Ketika itu saya sebagai seorang Ketua Pemuda UMNO Bahagian Lumut. Dalam kehangatan politik waktu itu, saya ialah Ketua Pegawai Eksekutif CELDES dan masih meneruskan tugas sebagai pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Di sanalah juga saya bermula sebagai seorang ahli politik-akademik.

Semuanya itu merupakan suatu langkah permulaan untuk berhadapan dengan dunia politik yang lebih mencabar. Pengalaman dalam tahanan ISA adalah antara detik penting dalam perjalanan politik saya seterusnya. Meskipun dari segi hukum akal, karier politik saya seperti sudah berakhir, Allah menentukan sebaliknya. Peristiwa itu menjadi permulaan

kepada suatu perjalanan yang lebih besar.

Demikianlah firman Allah:

Boleh jadi kamu membenci sesuatu, padahal ia amat baik bagimu, dan boleh jadi (pula) kamu menyukai sesuatu, padahal ia amat buruk bagimu. Allah mengetahui, sedang kamu tidak mengetahui.

(Surah al-Baqarah (2): 16)

Saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang memberikan galakan dan rangsangan untuk saya menulis buku ini. Kepada keluarga saya, khususnya ibu saya, emak Badru, dan isteri saya Saripah, buku ini adalah terjemahan terima kasih dan rasa sayang saya atas pengorbanan kalian berdua yang tidak ada tolok bandingnya. Kepada rakan-rakan yang setia dalam perjuangan (maaf, saya tidak dapat menyebut satu persatu) dan sentiasa bersama saya dalam keadaan senang dan susah, saya sangat menghargai dan mengingat anda semua hingga hujung nyawa. Kepada mereka yang menyumbang kepada penerbitan buku ini secara langsung dan tidak langsung, budi dan jasa anda tetap terpatut di sudut hati.

Kisah Tahanan Politik

Dalam sejarah pemerintahan, sering kali kita mendengar kisah mereka yang dipenjarakan oleh sang penguasa. Mereka dianggap sebagai pesaing, musuh, dan ancaman besar kepada kekuasaan sang penguasa.

Ada pelbagai sebab yang mewujudkan keadaan ini. Antaranya, perbezaan corak pemerintahan, saingan dalam kalangan ahli keluarga, keengganan mengikut perintah dan arahan, serta kelainan pegangan agama, kepercayaan, dan ideologi.

Kisah bagaimana mereka diperlakukan bergantung pada bentuk pemerintahan yang diamalkan oleh sang penguasa berkenaan. Ia juga terkait dengan perilaku dan nilai kemanusiaan yang ada dalam diri penguasa itu. Ada yang bertindak dengan kezaliman dan tidak berperikemanusiaan. Ada dalam kalangan tahanan ini diseksa, dan ada juga yang terus dibunuh.

Seawal pemerintahan Oligarki Sparta¹ sebelum munculnya zaman pelbagai pemerintahan yang lain seperti empayar besar Parsi dan Rom, dapat disaksikan bagaimana musuh diperlakukan. Lantaran pada zaman itu belum ada sebarang sistem perundangan yang jelas, maka peperangan menjadi jalan mutlak untuk menumpaskan musuh dan memperluas wilayah takluk.

¹ Sparta ialah sebuah negara kota (*city-state*) di Greek Purba yang wujud sekitar 900 Sebelum Masihi (SM) yang mengamalkan pemerintahan bercorak oligarki.

Ada yang meringkuk dalam tahanan, dan ada pula yang dijadikan hamba abdi. Yang meringkuk dalam kurungan bukanlah kerana dihormati sebagai tawanan perang tetapi sebagai mangsa penyeksaan sehingga menemui ajalnya. *The Oxford History of the Prison: The Practice of Punishment in Western Society* menyatakan:²

The abandonment of an offender, confined and left to starve to death, shaded into another category of physical punishment: the punishment of the body by death, mutilation, or beating

(Meninggalkan setiap pesalah dalam keadaan sempit dan dibiarkan mati, justeru meletakkan mereka dalam satu kategori hukuman fizikal: penyeksaan jasad dengan cara membunuh, mencengang, dan menyeksa mangsa)

Idea pusat tahanan dan penjara sudah pun wujud sejak zaman Sebelum Masihi (SM) lagi. Pada zaman seawal milenium ketiga SM ketika bermulanya tamadun manusia, penjara digunakan sebagai tempat menahan seseorang bagi memutuskan pergerakannya. Seseorang yang ditahan akan terus berada dalam tahanan sehingga akhir hayatnya atau penjara itu dijadikan sebagai tempat sementara sebelum tahanan dijadikan hamba.

Semasa zaman tamadun Mesopotamia dan tamadun Mesir pada sekitar milenium pertama SM, para banduan dan tahanan diperlakukan amat teruk dengan tinggal di bawah tanah dalam keadaan sesak dan klaustrofobia yang amat menyeksakan: "... *Some prisoners were confined in dry cisterns that were otherwise used for the storage of grain*"³ (Sebahagian banduan dikurung di dalam tangki kosong yang sepatutnya digunakan untuk menyimpan bijirin). Mereka seolah-olah dihumban ke dalamnya semata-mata menanti kematian.

² Edward M. Peters, "Prison Before the Prison: The Ancient and Medieval Worlds" dalam Norval Morris & David J. Rothman (peny.), *The Oxford History of the Prison: The Practice of Punishment in Western Society* (New York: Oxford University Press, 1998), hlm. 4.

³ *Ibid.*, hlm. 9.

Empayar Rom menyaksikan satu lagi kezaliman dan penyeksaan dengan munculnya golongan *gladiators*. Mereka terdiri daripada para banduan yang dijadikan hamba abdi untuk menjadikan pertarungan sebagai suatu bahan hiburan dan bentuk sukan yang mengujakan kejantanan. “*The culleus, the practice of confining the offender in a sack with an ape, a dog, and a serpent and throwing the sack into the sea, was used for those who had killed close relatives*”⁴ (Culleus ialah suatu bentuk hukuman dengan mengikat seorang pesalah di dalam sebuah guni besar bersama-sama beruk, anjing, dan ular besar berbisa dan kemudian dicampakkan ke laut bagi pelaku kes pembunuhan keluarga terdekat.)

Keadaan di Eropah juga turut menyebabkan berlakunya penyeksaan terhadap banduan dan tahanan sehingga munculnya Henry II⁵ dalam pemerintahan beraja di England yang mengarahkan pembinaan sistem penjara sebagai lambang sistem keadilan dalam negara.

Kemuncaknya adalah pada tahun 1215 apabila King John of England⁶ menandatangani Magna Carta Libertatum (Great Charter of Freedom)⁷, sebuah dokumen penting dalam sejarah dunia yang antara lain menekankan bahawa seorang raja penguasa tidak boleh sewenang-wenangnya memenjarakan sesiapa sahaja – khususnya golongan *baron*⁸ – tanpa melalui proses perbicaraan.

Demikian juga dalam dunia Kristian yang turut menyaksikan begitu ramai dibunuh akibat ancaman gerakan baru Protestanisme dan fahaman yang menyeleweng (*heretic*).

⁴ *Ibid.*, hlm. 14

⁵ Raja England yang berada di atas takhta selama 35 tahun (1154-1189). Baginda telah mengubah sistem perundangan England yang menjadi asas kepada English Common Law.

⁶ Memerintah England dari 1199 hingga 1216.

⁷ Rujukan lanjut: *Magna Carta: An Introduction* di <https://www.bl.uk/magna-carta/articles/magna-carta-an-introduction#>. Dicapai pada 18 Mei 2021.

⁸ Anggota taraf terendah dalam kedudukan bangsawan dalam sistem feudal di Eropah.

Antaranya, Nicholas Ridley dan Hugh Latimer pada tahun 1555 dan diikuti kemudiannya oleh Thomas Cranmer pada 1556.⁹ Kisah pembunuhan yang berlaku di sebuah tapak universiti terkenal dunia, iaitu Oxford University, ialah tindakan semasa pemerintahan Mary Tudor yang turut dikenali sebagai Bloody Mary, seorang penganut Katolik yang bertindak membakar 280 orang penganut Protestan.¹⁰

Semasa zaman perindustrian pada abad ke-16 dan ke-18, semakin ramai ditangkap kerana melakukan pelbagai jenayah. Antara hukuman yang dijatuhkan ialah menghantar pesalah ke *penal colonies*, iaitu kawasan-kawasan koloni Inggeris di serata dunia yang dijadikan sebagai tempat buangan dan pemisahan para pesalah dan banduan daripada orang ramai dan negara asalnya.¹¹

Dianggarkan seramai 50,000¹² pesalah dan banduan British dihantar ke Amerika Syarikat pada abad ke-18. Jumlah ini merangkumi hampir satu per empat migrasi orang British ke Amerika Syarikat, khususnya di kawasan Chesapeake Colonies of Maryland dan Virginia, manakala sebahagian lagi dihantar ke Australia.

⁹ Ketiga-tiga mereka digelar *Oxford Martyrs* yang dituduh mengkhianati gereja dan dijatuhi hukuman bakar. Mereka merupakan pemimpin gerakan Protestanisme yang menuruti gerakan *Reformation* oleh Martin Luther.

¹⁰ Ratu England yang memakai gelaran Mary I of England, memerintah dari 1553 hingga kematiannya pada 1558. Baginda cuba mengembalikan kekuasaan Gereja Katolik yang ketika itu sedang melalui zaman *Reformation* yang bermula semasa pemerintahan bapanya, Henry VIII (1491-1547). Rujuk, Meilan Solly, 'The Myth of 'Bloody Mary'' di <https://www.smithsonianmag.com/history/myth-bloody-mary-180974221/>, dicapai pada 18 Mei 2021.

¹¹ Rujuk, Clare Anderson (peny.), *A Global History of Convicts and Penal Colonies* (London: Bloomsbury Academic, 2018). Sebuah laman web yang mengarkibkan sejarah dan persejaraan tanah jajahan untuk hukuman (*penal colony*) di dunia lengkap dengan infografik telah dibangunkan di University of Leicester di bawah seliaan Prof. Clare Anderson. Laman web ini boleh dicapai di <http://convictvoyages.org>.

¹² James Davie Butler, "British Convicts Shipped to American Colonies", *The American Historical Review*, Okt., 1896, Vol. 2, No. 1 (Okt., 1896), hlm. 12-33.

Ketika zaman penjajahan British di India, mereka yang dianggap penentang penjajah British dihantar ke dua tempat utama, iaitu Pulau Andaman¹³ dan Hijli.¹⁴ Ada juga mengatakan pada peringkat awalnya, sebahagian kecil dihantar ke Singapura untuk kerja penebangan hutan dan pelbagai kerja lain.

Dalam konteks zaman pemerintahan Islam, begitu banyak kisah orang yang dipenjarakan dan dilenyapkan dari muka bumi. Ini berlanjutan daripada masalah perebutan kuasa dalam keluarga atau perbezaan pandangan para pemikir Islam dan alim ulama yang dianggap mengancam legitimasi pemerintahan.

Selepas kewafatan Rasulullah SAW dan berakhirnya pemerintahan al-Khulafa al-Rashidun, diikuti peristiwa perpecahan umat Islam dan terbentuknya dinasti Bani Umayyah dan Abbasiyyah, ramai ulama yang tidak sependapat dengan pemerintah dijatuhi hukuman penjara.

¹³ Terletak di selatan Teluk Benggala dan di Lautan Hindi, berhampiran dengan Thailand dan Indonesia. Antara 1858 hingga 1939, kerajaan British di India menghantar kira-kira 83,000 pesalah India dan Burma untuk dijadikan tahanan di Andaman. Rujuk, Clare Anderson, "The Andaman Islands Penal Colony: Race, Class, Criminality, and the British Empire," *International Review of Social History*, Volume 63, Special Issue S26: Transportation, Deportation and Exile: Perspectives from the Colonies in the Nineteenth and Twentieth Centuries, Ogos 2018, hlm. 25-43.

¹⁴ Hijli terletak di Bengal Barat, India menempatkan dua kem tahanan yang didirikan oleh pemerintah British pada awal abad ke-20 bagi memenjarakan para penentang penjajahan British. Salah satu yang terkenal ialah Hijli Detention yang menyaksikan satu peristiwa pembunuhan tahanan berlaku pada 1931 hingga menyebabkan Subhas Chandra Bose (pejuang kemerdekaan India) datang ke kem tersebut, dan Rabindranath Tagore (pemenang anugerah Nobel) menghasilkan puisi bagi mengecam tindakan British tersebut. Kem ini ditutup selepas Perang Dunia Kedua dan kini menjadi Nehru Museum of Science and Technology. Baca lebih lanjut di <https://indianexpress.com/article/education/iit-kharagpurs-link-to-the-freedom-struggle-and-an-infamous-detention-camp-5306582/>, dicapai pada 17 Mei 2021.

Said bin Musayyab (642-715M) seorang ulama, fuqaha dan tokoh yang sangat dihormati pada zaman akhir Khulafa al-Rasyidin dan zaman kerajaan Umayyah turut dipukul di depan khalayak oleh khalifah al-Walid bin Abdul Malik (anak kepada khalifah Abdul Malik bin Marwan) hanya kerana enggan memberikan baiah kesetiaan. Said diriwayatkan disebut 60 kali, diarak keliling kampung dalam keadaan bercawat dan dipenjarakan.

Demikian juga kisah Imam Abu Hanifa, Imam al-Shafie, Imam Ahmad Ibn Hanbal, malah Ibnu Taimiyyah yang masuk keluar penjara. Mereka terpaksa membayar harga yang mahal hanya kerana pandangan mereka tidak secocok dengan amalan para pemerintah pada waktu itu.

Dalam dunia Nusantara, seorang ulama tersohor, Buya Hamka, turut melalui saat dipenjarakan oleh Sukarno yang sangat membencinya sehingga meringkuk selama dua tahun empat bulan (1964-1966).¹⁵ Hamka yang dilihat menentang Partai Komunis Indonesia (PKI) menjadi mangsa golongan pro-PKI dengan fitnah yang sangat dahsyat, kononnya beliau terlibat dalam merancang pembunuhan Sukarno dan Menteri Agama, Saifuddin Zuhri.

Demikian juga dengan kisah Pramoedya Ananta Toer yang meringkuk selama 30 tahun (1969-1979) di kem konsentrasi tahanan politik di Pulau Buru oleh Orde Baru pimpinan Suharto. Beliau dianggap seorang tokoh yang mendukung pemikiran komunis.

Di Filipina, tentunya kita mendengar kemasyhuran Jose Rizal yang akhirnya dihukum mati oleh skuad penembak pada tahun 1896, iaitu ketika zaman penjajahan Sepanyol.

¹⁵ Semasa di dalam penjara inilah Hamka menulis dan menyelesaikan 30 juzuk *Tafsir al-Azhar* yang merupakan karya ilmiah terbesarnya. Rujuk, Irfan Hamka, *Ayah: Kisah Buya Hamka* (Jakarta: Republika, 2013).

Dalam dunia tanah air, mereka yang meringkuk di dalam penjara kerana perjuangan ialah penggerak antikolonial dan para pemikir progresif seperti Ishak Haji Muhammad (Pak Sako), Ahmad Boestamam, dan Dr. Burhanuddin al-Helmy. Ahmad Boestamam misalnya dipenjarakan sebanyak tiga kali oleh British akibat gerakan kirinya.

Tokoh tersohor dunia dari India, Mahatma Gandhi, yang menjadi inspirasi besar pada abad ke-20 atas kesungguhan perjuangannya turut menjadi mangsa cengkaman penjajah dengan meringkuk di dalam penjara berkali-kali dan bertahun-tahun lamanya. Sejak zaman perjuangannya di Afrika Selatan sehinggalah membawa ke tanah airnya, India, Gandhi melalui detik-detik pahit tinggal di dalam pengurungan berasingan (*solitary confinement*) yang sangat teruk keadaannya.¹⁶

Dalam abad ke-20, kisah Nelson Mandela menjadi inspirasi besar dalam memperjuangkan hak dan kebebasan rakyat Afrika Selatan yang tertindas akibat dasar zalim rejim aparteid. Mandela meringkuk selama 27 tahun di dalam beberapa penjara di Robben Island, Pollsmoor Prison, dan Victor Verster Prison.

Kisah tempat tahanan, penjara, dan pengurungan berasingan (*solitary confinement*) banyak terkait dengan kisah perjuangan dan kemunculan tokoh-tokoh. Perjuangan mereka dibayar dengan harga paling besar hingga dipaksa menghabiskan sebahagian kehidupan di dalam penjara.

Kewujudan penjara neraka Guantamao Bay (Gitmo) ialah suatu bukti penindasan abad ini yang dilakukan oleh sebuah kuasa besar tanpa dibicarakan. Ribuan orang dihancurkan ke dalam penjara bagaikan binatang dan bertentangan dengan Geneva Conventions.¹⁷ Mereka dianggap sebagai militan

¹⁶ Gandhi merakamkan kisah perjuangannya dalam *An Autobiography or The Story of My Experiments with Truth*, cetakan kedua (Ahmedabad: Navajivan Trust, 2005). Cetakan pertama 1927.

¹⁷ The 1949 Geneva Convention Relative to the Treatment of Prisoners of

Islam dan penjenayah semasa Amerika Syarikat memerangi kerajaan-kerajaan Timur Tengah dan menghapuskan gerakan jihad seluruh dunia. Mereka disumbat masuk tanpa perbicaraan sehingga Amnesty International pada 2005 menganggap kekejaman di Gitmo sebagai *Gulag of our times*.¹⁸

Gulag ialah kem-kem tahanan buruh paksa di Rusia yang mencapai kemuncak semasa pemerintahan Joseph Stalin. Semua yang dianggap musuh negara termasuk golongan politik, ditangkap. Dianggarkan antara tahun 1930 hingga 1953, seramai 18 juta orang ditahan di dalam Gulag, manakala seramai 1.5 hingga 1.7 juta tahanan mati akibat seksaan dan penderitaan.¹⁹

Penjara Abu Gharib semasa perang Iraq juga menjadi testimoni kezaliman dan penindasan kuasa besar Amerika Syarikat terhadap mangsa penangkapan mereka. Tahanan diseksa, ditelanjakan, dan diperlakukan seperti binatang sehingga menimbulkan jeritan dunia terhadap kebuasan

War, protokol yang diperkenalkan sejurus selepas Perang Dunia Kedua bagi memastikan nilai kemanusiaan ketika perang dihormati. Misalnya kebajikan para tahanan perang, perlindungan kepada mereka yang cedera dan sakit dan keselamatan orang awam dalam kawasan perang telah diberikan. Konvensyen ini mula dikuatkuasakan pada Oktober 1950. Rujuk, *Geneva Convention (III) Relative to the Treatment of Prisoners of War, Aug 12, 1949*.

- ¹⁸ Rujuk laporan tahunan *Amnesty Internasional Report 2005: The State of the World's Human Rights*. Menurut Irene Khan, Setiausaha Agung Amnesty, "The detention facility at Guantanamo Bay has become the gulag of our times, entrenching the practice of arbitrary and indefinite detention in violation of international law. Trials by military commissions have made a mockery of justice and due process." Laporan ini boleh dimuat turun secara percuma di laman web Amnesty Internasional, <https://www.amnesty.org/>. Rujuk juga liputan oleh Richard Norton-Taylor, "Guantánamo is gulag of our time, says Amnesty" dalam *The Guardian*, 26 Mei 2005. Boleh dicapai di <https://www.theguardian.com/world/2005/may/26/usa.guantanamo>.
- ¹⁹ Rujuk, Michael Jakobson, *Origins of the Gulag: The Soviet Prison Camp System, 1917-1934* (University Press of Kentucky, 1993) dan Aleksandr I. Solzhenitsyn, *The Gulag Archipelago 1918-1956: An Experiment in Literary Investigation*, terj. Thomas P. Whitney (New York: Harper & Row, 1973), 3 jilid. Jilid pertama terbit pada 1973.

perilaku tentera Amerika.²⁰

Sehingga kini, kisah tempat tahanan, penjara dan tempat penyiksaan barangkali sedang diteruskan oleh rejim-rejim tertentu bagi menewaskan musuh mereka. Mungkin masih banyak lagi terdapat di sebahagian negara yang mengamalkan demokrasi, autokrasi, dan kediktatoran dalam meneruskan agenda ini.

Kisah terkini yang sedang kita saksikan ialah nasib masyarakat Uighur di Xinjiang, China yang dikatakan sebagai kem tahanan terbuka terbesar pernah diwujudkan di dunia. Ada yang menganggap tindakan ini melanggar hak asasi manusia secara besar-besaran. Umat Islam Xinjiang sedang menghadapi proses *sinicization* (penchinaan)²¹ dengan identiti Islam mereka semakin dihilangkan.

Atas nama sistem pemerintahan apa pun, mereka yang ditahan tanpa melalui proses perbicaraan yang sah dan dilakukan pula atas nama penganiayaan politik (*political persecution*) akan tetap menjadi mangsa kezaliman dan penyalahgunaan kuasa oleh golongan yang berkuasa.

²⁰ Pertubuhan Palang Merah Antarabangsa (ICRC) diberi peluang melawat para tahanan dari Mac hingga November 2003 dan menyiapkan laporan setebal 24 halaman pada Februari 2004 kepada kerajaan Amerika Syarikat. Dalam laporan itu, *Among other things, the report concluded that abuse of Iraqi detainees by US military intelligence personnel as part of the interrogation process was widespread, harsh, and brutal, and, in some cases, "tantamount to torture"*. Rujuk, "U.S. Abuse of Iraqi Detainees at Abu Ghraib Prison", *The American Journal of International Law*, Vol. 98, No. 3 (Jul., 2004), hlm. 591-596.

²¹ Proses bagaimana masyarakat bukan berbangsa China diletakkan di bawah pengaruh kebudayaan China, merangkumi bahasa, adat, agama, dan identiti. Untuk bacaan lanjut, rujuk Paul George, "Islamic Unrest in the Xinjiang Uighur Autonomous Region", *Commentary* No. 73, *A Canadian Security Intelligence Service Publication*, Spring 1998, di <https://fas.org/irp/world/para/docs/com73e.htm>; dan Habib Siddiqui & A.R.M Imtiaz, "Uyghurs: Sinicization, Violence and the Future", di https://www.researchgate.net/publication/260511457_UYGHURS_SINICIZATION_VIOLENCE_AND_THE_FUTURE. Kedua-duanya dicapai pada 18 Mei 2021.

Kisah saya ditahan barangkali tidak seberat yang ditanggung oleh mereka yang pernah ditahan dan diseksa. Namun begitu, pengalaman tersebut membuka mata saya untuk melihat perkembangan sejarah perjuangan manusia serta menimbulkan kesedaran bagaimana kuasa telah digunakan semaksimum mungkin untuk kekal berkuasa.

Penjara, kem konsentrasi, pusat tahanan, dan penjara bawah tanah (*dungeon*) merupakan pendekatan yang digunakan untuk mencapai sebarang maksud dan tujuan. Seorang musuh politik harus berada dalam tahanan ketika sang penguasa mahu terus memerintah.

Ini juga memberikan pengertian bahawa sejak ribuan tahun, penjara dan kem tahanan menjadi alat dominasi dalam usaha menegakkan kuasa dan kawalan (*power and control*). Dalam dunia yang cukup maju menerusi acuan demokrasi dan kebebasan, bilangan pusat dan kem tahanan juga bertambah. Meskipun zaman bertambah maju dan demokrasi liberal mencapai tahap tertinggi, kem konsentrasi dan tahanan tanpa pengadilan terus berleluasa atas nama 'memelihara keamanan'.

ISTILAH YANG DIPERDEBATKAN

Perkembangan dalam dunia politik zaman pasca-Perang menyaksikan kemunculan istilah dan terma untuk menggambarkan keadaan seseorang yang ditahan atas sebab politik. Sering kali kita mendengar istilah seperti banduan politik (*political prisoner*), tahanan nurani (*prisoner of conscience*), tahanan politik (*political detainee*), dan lain-lain.

Perbincangan terus berlaku hingga kini tentang apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan banduan politik (*political prisoner*). Banyak negara menghadapi tekanan daripada pertubuhan-pertubuhan antarabangsa dan negara-negara besar yang berkepentingan untuk membebaskan tahanan yang ditangkap atas sebab politik dan balas dendam.

Sering kali menjadi isu besar apabila tahanan yang terdiri daripada kelompok musuh parti politik yang berkuasa dikenakan bermacam-macam tuduhan jenayah dan penyalahgunaan kuasa. Perkara ini sering terjadi pada orang politik, dan sering kali pula dijadikan perkakas sang penguasa untuk menumpaskan musuh politiknya.

Banyak pertubuhan hak asasi manusia tidak begitu senang untuk menggunakan istilah banduan politik (*political prisoner*) ini. Namun begitu, dalam tahun 2012, Parliamentary Assembly of the Council of Europe (PACE) memberikan takrifan bahawa seseorang itu dianggap sebagai banduan politik apabila memenuhi beberapa kriteria²² seperti berikut:

1. Pertama, penahanan tersebut melanggar asas-asas yang diperakukan dalam European Convention on Human Rights (ECHR), iaitu kebebasan pemikiran (*freedom of thought*), dhamir/hati nurani (*conscience*), dan agama; kebebasan bersuara dan informasi; dan kebebasan berpersatuan dan berkumpul.
2. Kedua, penahanan dilakukan atas alasan politik semata-mata.
3. Ketiga, tempoh masa dan keadaan yang dikenakan ke atas tahanan adalah keterlaluan berbanding dengan kesalahan yang dilakukan.
4. Keempat, seseorang itu ditahan secara aniaya dan diskriminasi berbanding dengan orang lain.
5. Kelima, penahanan adalah hasil daripada proses penghakiman yang jelas berat sebelah dan sangat berkait dengan motif politik pihak berkuasa.

Amnesty International mengistilalkannya sebagai “*someone has not used or advocated violence or hatred but is imprisoned because of who they are (sexual orientation, ethnic, national or social origin, language, birth, colour, sex or economic status) or what they believe (religious, political or other conscientiously held beliefs),*” iaitu secara jelas menunjukkan seseorang itu dipenjarakan bukan

²² Rujuk, *The Definition of Political Prisoner (Resolution 1900 (2012) Final version)* di <https://assembly.coe.int/nw/xml/XRef/Xref-XML2HTML-en.asp?fileid=19150&lang=en>.

disebabkan oleh tindakan keganasan, sebaliknya kerana orientasi seks, etnik, bangsa, bahasa, agama/kepercayaan, dan politik.²³ Dan ia merupakan ekspresi tanpa kekerasan (*non-violent*). Contohnya, pada tahun 1930, negara Jerman menyaksikan penangkapan golongan yang dianggap sebagai tidak boleh dipercayai dari sudut politik (*politically unreliable*) yang melibatkan golongan komunis, penganut fahaman *social democrat*, golongan Yahudi, dan sebagainya.

Sewaktu saya ditahan di bawah ISA, istilah yang diguna pakai ialah tahanan politik (*political detainee*). Kadangkala pihak media menulis bahawa tahanan politik juga ialah banduan. Peristilahan ini memberikan kesan psikologi yang tidak baik dalam masyarakat yang berbeza dalam pandangan politik.

Saya cuba mencari dalam peristilahan undang-undang, sama ada terdapat konsep yang serupa atau yang menyamainya. Ini terkait dengan pelaksanaannya terhadap setiap orang yang ditahan di bawah ISA.

Pernah saya menyuarakan salah tanggapan terhadap kami yang ditahan di bawah ISA. Kebanyakan yang keluar daripada tahanan ISA bukanlah 'banduan'. Akta ISA ialah sebuah akta yang sangat kontroversial selepas era kemerdekaan. British menggunakannya untuk maksud menangkap pihak yang menentanginya, termasuklah kumpulan subversif dan komunis. Tetapi pada zaman pasca-Merdeka, terdapat suatu tempoh apabila akta ini digunakan untuk memenjarakan musuh politik atas nama keselamatan negara.

Prisoner of conscience (POC) pula ialah istilah yang diguna pakai secara meluas selepas seorang peguam, Peter Benenson, menulis sebuah rencana dalam akhbar *Observer* bertajuk *The Forgotten Prisoners* pada 28 Mei 1961. Beliau menafsirkan *prisoner of conscience* sebagai:

²³ Rujuk maksud yang disenaraikan oleh Amnesty International di <https://www.amnesty.org/en/what-we-do/detention/>. Dicapai pada 18 Mei 2021.

... any person who is physically restrained (by imprisonment or otherwise) from expressing (in any form of words or symbols) an opinion which he honestly holds and which does not advocate or condone personal violence. We also exclude those people who have conspired with a foreign government to overthrow their own.²⁴

[... sesiapa sahaja yang ditahan secara fizikal (dipenjarakan atau seumpamanya) kerana menyuarakan (sama ada dalam bentuk percakapan atau simbol) pendapat secara jujur, dan tidak menyokong atau membiarkan keganasan berlaku. Kita juga tidak memasukkan mereka yang berkonspirasi dengan kerajaan asing untuk menjatuhkan kerajaan mereka sendiri.]

Tokoh besar dunia yang terkait dengan *prisoner of conscience* ialah Nelson Mandela yang diisytiharkan pada tahun 1962. Tetapi ia ditarik semula pada tahun 1964 ketika peristiwa Rivonia Trial²⁵ yang membuktikan bahawa perjuangan Mandela membawa kemudaratkan keganasan (*violent*).

Selepas dunia menyaksikan tokoh-tokoh besar yang mula dilepaskan daripada kongkongan pemerintah seperti Aung San Suu Kyi serta pembebasan kalangan mereka yang ditahan secara politik di Mesir, Afrika Utara, dan di Guantanamo Bay, dunia seolah-olah dilihat semakin menuju kepada demokrasi yang meluas. Projek besar Amerika Syarikat semasa Presiden Barrack Obama mempromosikan demokrasi melalui National Endowment for the Promotion of Democracy (NEPD)²⁶ ternyata berjaya mengupayakan golongan masyarakat sivil. Namun begitu, masyarakat sebaliknya menggunakan kesempatan ini untuk mengkritik dasar tidak berperikemanusiaan Amerika

²⁴ <https://www.theguardian.com/uk/1961/may/28/fromthearchive.theguardian>

²⁵ Merujuk kepada peristiwa perbicaraan 10 orang penentang rejim apartheid yang berlaku di Afrika Selatan dari 9 Oktober 1963 hingga 12 Jun 1964. Perbicaraan ini membawa kepada hukuman penjara seumur hidup kepada Nelson Mandela dan rakan-rakannya.

²⁶ Agensi yang diasaskan pada 1983 bertujuan mempromosikan demokrasi dan kebebasan di negara-negara lain di dunia menerusi sokongan geran pembangunan. Rujuk, <https://www.ned.org/>.

Buku ini lahir dari sebuah pengalaman ketika saya berada dalam tahanan ISA pada tahun 1998. Meskipun peristiwa itu sudah lebih dua puluh empat tahun berlalu, ia masih segar bermain-main dalam ingatan saya. Sukar untuk melupakan peristiwa ini kerana ia berlaku pada detik-detik awal saya aktif dalam dunia politik bersama Pemuda UMNO tetapi kemudiannya ditangkap dan menjadi tahanan ISA.

Semuanya itu adalah suatu langkah permulaan untuk berhadapan dengan dunia politik yang lebih mencabar. Pengalaman dalam tahanan ISA adalah antara detik penting dalam perjalanan politik seterusnya. Meskipun dari segi hukum akal, karier politik saya seperti sudah berakhir, namun Allah menentukan sebaliknya. Ia adalah permulaan kepada suatu perjalanan politik yang lebih rencam.

